

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

# RAPID BUS MENGHANTAR 25 BUAH BAS BAGI MENYOKONG TEMASYA PARA SUKMA SARAWAK 2024

Kemudahan bas-bas mesra OKU memudahkan pergerakan atlet

**KUALA LUMPUR, 4 September 2024** – Bersempena temasya Para Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 dari 20 hingga 28 September ini di Sarawak, Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus), selaku rakan kongsi rasmi Para SUKMA akan menghantar 25 buah bas untuk kegunaan para atlet dan pegawai sepanjang berlangsungnya temasya sukan tersebut.

Kesemua 25 buah bas ‘single deck’ itu dihantar menggunakan kapal laut yang akan berlepas ke Kuching dari Jeti Awal Idaman, Pulau Indah di Pelabuhan Klang pada 6 September 2024 dan dijangka tiba pada 13 September 2024.

Bas-bas yang dihantar mempunyai ciri akses universal iaitu mesra golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang mempunyai ruang luas bagi memudahkan pergerakan atlet-atlet Para SUKMA yang berkerusi roda.

Disamping itu, bas-bas tersebut juga mempunyai ruang dalaman yang luas, yang dapat memuatkan lebih ramai penumpang.

Ketua Pegawai Operasi Rapid Bus, Ku Jamil Zakaria berkata, “Jalinan kerjasama antara Rapid Bus dan kerajaan negeri Sarawak ini menunjukkan komitmen Rapid Bus dalam menghargai sumbangan komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pembangunan negara termasuklah dalam bidang sukan.”

Seramai 44 kakitangan Rapid Bus yang terdiri dari 30 kapten bas serta 14 kakitangan sokongan akan tiba di Kuching secara berperingkat pada 13 dan 15 September 2024. Para kapten bas akan diberi latihan terlebih dahulu mengenai laluan bas di sana.

[TAMAT]

Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd.

